

Amalan Memberi Salam Dikalangan Pelajar Islam Tahun 4, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor
Nasir Bin Ripin & Harpah Binti Bohri
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia.

Abstrak : Kajian ini bertujuan untuk meninjau kefahaman, penghayatan dan tatacara berkaitan dengan salam. Seramai 128 orang pelajar Islam Tahun 4, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai telah dipilih secara rawak berkelompok bagi mewakili responden kajian. Set soal selidik yang mengandungi 36 item telah diedarkan kepada responden. Soal selidik tersebut dibahagikan kepada bahagian A, B,C dan D. Hasil kajian dinilai berdasarkan lima skala *Likert* dan data yang terkumpul dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science 15.00 for Windows* secara deskriptif untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratusan dan min bagi setiap item yang digunakan. Dapatkan data dipersembahkan dalam bentuk jadual. Nilai kebolehpercayaan soal selidik ialah $\alpha = 0.832$. Secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan responden memberikan respon yang positif terhadap tiga aspek kajian kerana mencatat nilai min yang berada pada tahap tinggi. Aspek berkaitan dengan kefahaman tentang salam menurut Islam mencatat nilai min 4.28, tahap penghayatan pelajar terhadap amalan memberi salam mencatat nilai min 3.87 dan tatacara memberi dan menjawab salam menurut Islam mencatat nilai min 3.80. Oleh yang demikian, sebagai pengukuhan dan penambahbaikan kepada kajian yang dijalankan, penyelidik mengemukakan beberapa cadangan.

Katakunci : salam, pelajar Islam

Pengenalan

Islam telah menggariskan panduan yang merangkumi pelbagai aspek dalam sistem kehidupan manusia samada dari segi politik, sosial dan ekonomi. Terdapat prinsip-prinsip serta peraturan-peraturan yang mesti dipatuhi oleh golongan umat manusia bagi mencapai kehidupan yang sempurna di dunia dan juga akhirat. "Hubungan kemasyarakatan itu tergambar dalam prinsip-prinsip dan kaedah-kaedah yang mengatur gerak laku perbuatan manusia yang ditentukan oleh wahyu bagi menyusun kehidupan manusia dengan cara yang membolehkan ia mencapai matlamat daripada kewujudannya di alam dunia ini dengan lebih sempurna." (Haron Din, 1991:3). Justeru, tujuan adanya peraturan dan disiplin tersebut adalah bagi memudahkan umatnya dalam menjalani kehidupan sebagai hamba Allah di muka bumi ini.

Seterusnya, Islam amat menitikberatkan penerapan akhlak yang baik dalam diri peribadi seorang muslim. Amnya jika timbul isu akhlak, maka isu moral akan seringkali dikaitkan dengannya. Kedua-duanya tidak boleh dipisahkan dan saling berkaitan antara satu sama lain ibarat irama tanpa lagu yang tidak dapat dipisahkan. Jika baik akhlaknya, maka baiklah moralnya dan begitulah sebaliknya jika buruk akhlaknya, maka buruklah moralnya. Firman Allah S.W.T:

يَتَأْمِنُهَا الَّذِينَ ظَاهَرُوا أَرْكَعُوا وَأَسْجَدُوا وَأَعْبُدُوا وَرَجُلُمْ
وَأَقْلَمْ لَوْلَا آخِرَةٌ أَصْطَعُ مُؤْمِنُونَ

Maksudnya: "Hai orang-orang yang beriman, rukuklah kamu, sujudlah kamu, sembahlah Tuhanmu, dan perbuatlah kebajikan, supaya kamu mendapat kemenangan." (Surah al-Hajj:77)

Ayat di atas mengajak kita agar menyeru kepada kebaikan dan mencegah kejahanan. Dalam kata lain mengamalkan akhlak yang baik dan meninggalkan akhlak yang buruk dan dicela oleh Allah s.w.t. Oleh yang demikian, seruan ke arah akhlak yang baik tersebut secara tidak langsung akan mendatangkan manfaat yang besar bagi kita iaitu membawa kepada kebahagiaan pada diri kita dengan disayangi dan disanjungi dalam masyarakat. Seterusnya dapat mewujudkan hubungan sosial yang baik dalam masyarakat. "Keindahan dan kecantikan insan Nafsi itu ialah kerana hiasan daripada akhlak yang indah dan mulia." (Haron Din, 1991:3).

Oleh itu, dengan terjalannya hubungan yang baik sesama muslim, maka seharusnya ia dipelihara dan dikekalkan untuk kesejahteraan bersama. Hal ini menunjukkan bahawa Islam amat menitikberatkan dalam hal menjaga hubungan persaudaraan sesama muslim. Hubungan saling sayang menyayangi, bantu-membantu, tidak sompong dan tidak membesarkan diri adalah antara perkara yang membawa kepada wujudnya persaudaraan yang dianjurkan dalam Islam.

Pernyataan Masalah

Kehidupan masyarakat pelajar di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor adalah berbilang bangsa dan agama. Tidak mustahil cara kehidupan mereka yang bukan Islam mempengaruhi budaya kehidupan pelajar Islam Fakulti Pendidikan di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Sebagaimana masyarakat Islam di Malaysia terpengaruh dengan budaya hidup barat, situasi yang sama juga berlaku dikalangan pelajar Islam Fakulti Pendidikan di UTM, Skudai, Johor. Mereka tidak lari daripada pengaruh kehidupan rakan-rakan di Fakulti Pendidikan UTM, Skudai, Johor.

Tidak dinafikan bahawa, terdapat juga dikalangan pelajar Islam Fakulti Pendidikan mengucapkan salam ketika bertemu sesama rakan mereka. Namun, itu hanyalah berlaku sekiranya mereka saling kenal mengenali antara satu sama lain ataupun memberi salam dengan orang tertentu sahaja. Malah tidak dinafikan juga bahawa lafaz salam iaitu Assalamualaikum sering kedengaran di corong-corong radio ataupun Televisyen yang seringkali digunakan oleh penyampai-penyampai radio ataupun hos-hos rancangan TV. Tetapi itu tidak menjamin untuk ia menjadi ikutan masyarakat Islam amnya dan khasnya pelajar Islam Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai, Johor. Malahan apa yang paling utama adakah mereka mengamalkannya atas dasar mengetahui dan memahami konsep salam dalam Islam ataupun hanya sebagai adat kebiasaan semata-mata?

Objektif Kajian

Fokus utama kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. Mengenal pasti tahap kefahaman responden terhadap konsep memberi salam dalam Islam.
2. Mengkaji tahap penghayatan responden terhadap amalan memberi salam.
3. Mengenal pasti tatacara memberi dan menjawab salam menurut Islam.

Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan beberapa kepentingan tertentu iaitu :

- a) Memberi input yang berguna kepada warga kampus Universiti Teknologi Malaysia amnya dan khasnya pelajar Islam Fakulti Pendidikan tentang konsep memberi salam menurut Islam. Hal ini bermaksud bahawa ia akan membantu untuk mewujudkan kesedaran dikalangan warga kampus Universiti Teknologi Malaysia tentang pentingnya pembudayaan salam dalam kehidupan mereka. Seterusnya dapat membantu untuk memberikan gambaran yang jelas mengenai pembudayaan salam dikalangan pelajar Islam Fakulti Pendidikan

- b) Memberi cadangan yang berguna kepada pihak Hal Ehwal Pelajar agar dapat mencari inisiatif untuk mempraktikkan budaya salam di dalam kampus. Dengan adanya hasil daripada dapatan kajian penyelidik, ia secara tidak langsung memberikan idea kepada pihak Hal Ehwal Pelajar untuk merangka program bagi menggalakkan amalan memberi salam di kalangan warga kampus.
- c) Memberikan cadangan kepada pihak media. Hasil kajian ini akan membantu mereka mencipta idea-idea baru berkaitan dengan tajuk kajian ini.

Skop kajian

Kajian ini melibatkan pelajar Islam Tahun 4, Fakulti Pendidikan, UTM, SKudai, Johor yang mengikuti pengajian sepenuh masa sesi 2008/2009. Segala keputusan bagi kajian ini hanya terbatas 13 kursus sahaja kecuali kursus SPI dan tidak menggambarkan keseluruhan pelajar di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor.

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian membantu penyelidik dalam mendapatkan maklumat dan tujuan kajian dijalankan. Kajian ini dijalankan secara deskriptif yang bertujuan untuk melihat sejauhmana tahap kefahaman, pengamalan dan tatacara memberi salam dikalangan pelajar Islam Tahun 4, Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai, Johor. "Kajian berbentuk deskriptif ini bertujuan untuk menerangkan keadaan atau perhubungan antara pembolehubah." (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999:24).

Reka bentuk kajian yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini ialah menggunakan soal selidik. Penyelidik menggunakan soal selidik kerana ia dapat mengurangkan kos perbelanjaan dan menjimatkan masa bagi pengumpulan data di samping soal selidik ini mengandungi arahan dan soalan-soalan untuk dijawab oleh semua responden yang terlibat dalam kajian ini. Semua data yang diperolehi daripada soal selidik ini akan dianalisis secara kuantitatif.

Selain itu, penyelidik juga menggunakan tinjauan kajian perpustakaan. Penyelidik telah mencari bahan-bahan yang bersesuaian dengan tajuk kajian di perpustakaan untuk rujukan, panduan dan mendapatkan maklumat tertentu sepanjang kajian dijalankan. Selain daripada Perpustakaan Sultanah Zanariah (PSZ) UTM, penyelidik juga telah mencari bahan di Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia. Penyelidik merujuk kepada buku-buku, jurnal, kajian yang lepas dan sumber-sumber yang berkaitan. Melalui bahan-bahan yang didapati, penyelidik cuba menganalisis dan mengulas bahan-bahan tersebut.

Populasi dan Sampel

Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999:37), populasi kajian adalah terdiri daripada semua ahli dalam kelompok kajian. Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar Islam Tahun 4, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia sesi 2008/2009. Menurut data yang diperolehi daripada Pejabat Akademik Fakulti Pendidikan, jumlah populasi pelajar-pelajar Tahun 4, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia adalah seramai 424.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian ialah dengan menggunakan kaedah soal selidik. Metod ini digunakan untuk mendapatkan maklum balas dan pengumpulan data daripada sampel.

Soal selidik ini dibahagikan kepada empat bahagian utama iaitu bahagian A, B, C dan D. Bahagian A adalah berkaitan dengan latar belakang responden mengikut jantina, kursus pengajian dan aliran pendidikan. Bahagian ini mengandungi soalan jenis *Thurston* di mana responden hanya perlu menanda salah satu daripada pilihan jawapan yang telah disediakan (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999:88). Bahagian B pula merupakan soalan-soalan yang berkaitan objektif kajian mengenai tahap kefahaman pelajar tentang salam. Bahagian C berkaitan tentang tahap penghayatan pelajar tentang amalan memberi salam dalam kehidupan sehari-hari mereka. Bahagian D berkaitan tatacara memberi dan menjawab salam menurut Islam. Skala *Likert* telah digunakan bagi bahagian B, C, dan D. Dalam Skala *Likert*, responden dikehendaki menandakan jawapan mengenai sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala dari satu ekstrem kepada ekstrem yang lain (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999:97).

Kajian Rintis

Kajian rintis dilakukan sebelum soal selidik diedarkan kepada responden yang sebenar. Tujuan kajian rintis ini adalah untuk mengetahui kebolehpercayaan dan kesahan item-item soal selidik disamping mengkaji masalah yang akan timbul sewaktu proses soal selidik berjalan. Selain itu, kajian rintis dijalankan terlebih dahulu untuk mengenal pasti sejauh mana kesesuaian keseluruhan penggunaan instrumen kepada responden kajian.

Kajian rintis ini dijalankan ke atas pelajar-pelajar Tahun 4 di Fakulti Pendidikan. Seramai 10 orang pelajar Tahun 4 dari kursus SPL di Fakulti Pendidikan yang tidak terlibat dalam kajian sebenar telah dipilih secara tidak rawak bertujuan untuk mendapat maklum balas terhadap soal selidik. Kesemua mereka yang terpilih adalah mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel sebenar. Menurut Mohamad Najib (1999:17), saiz sampel untuk kajian rintis memadai 6 hingga 10 orang sahaja serta mempunyai ciri-ciri yang sama dengan kumpulan sebenar yang digunakan dalam penyelidikan. Nilai alpha bagi kajian rintis ini ialah 0.832. Ini bermakna soalan bagi kajian selidik ini mempunyai nilai kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi.

Analisis Data

Jadual 1 di bawah memaparkan min keseluruhan bagi setiap bahagian:

Jadual 2 : Purata Min Keseluruhan Dapatkan Kajian

Bil	Perkara	Min	Tahap
1	Bahagian B (Tahap Kefahaman Pelajar Tentang Konsep Memberi Salam Dalam Islam)	4.28	Tinggi
2	Bahagian C (Tahap Penghayatan Pelajar Terhadap Amalan Memberi Salam)	3.87	Tinggi
3	Bahagian D (Tatacara Memberi Dan Menjawab Salam)	3.80	Tinggi

Berdasarkan jadual 1, secara keseluruhannya nilai min bagi ketiga-tiga bahagian berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa responden memberi respon yang positif terhadap kefahaman, penghayatan serta tatacara memberi dan menjawab salam menurut Islam.

Kajian menunjukkan bahawa Bahagian B (Objektif 1) iaitu tahap kefahaman pelajar tentang konsep memberi salam dalam Islam telah mencatat nilai min yang tertinggi iaitu 4.28. Seterusnya, diikuti oleh Bahagian C (objektif 2) iaitu tahap penghayatan pelajar terhadap amalan memberi dan menjawab salam telah mencatat nilai min sebanyak 3.87. Manakala bagi Bahagian D (objektif 3) iaitu tatacara memberi dan menjawab salam, mencatat nilai min yang terendah namun masih lagi berada pada tahap yang tinggi iaitu 3.80.

Perbincangan

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan, taburan responden yang paling ramai ialah pelajar perempuan iaitu 96 orang (75.0%). Manakala pelajar lelaki adalah seramai 32 orang (25.0%). Sekiranya diperhatikan taburan responden berdasarkan jantina adalah tidak seimbang. Hal ini kerana, majoriti pelajar Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia adalah perempuan.

Seterusnya, analisa latar belakang responden mengikut latar belakang pendidikan pula mendapati pelajar lepasan sekolah menengah kebangsaan mempunyai peratusan paling tinggi iaitu 42.2% atau 54 orang. Diikuti pelajar lepasan selain daripada yang dinyatakan iaitu sebanyak 27.3% atau 35 orang. Pelajar dari Sekolah Menengah Agama/SMKA sebanyak 15.6% atau 20 orang dan pelajar lepasan Maktab/Kolej adalah yang terendah iaitu 14.6% atau 19 orang.

Berdasarkan kajian, bagi persoalan dalam lingkungan konsep memberi dan menjawab salam, item 12 iaitu salam adalah sunnah nabi untuk berinteraksi dengan orang lain telah menunjukkan nilai min yang tertinggi iaitu 4.58. Hal ini diperkuatkan lagi serta memang terbukti kerana salah satu hikmah menyebarkan salam ialah ia merupakan satu langkah bagi memulakan komunikasi disamping dapat mempertingkatkan jalinan silaturrahim yang baik sesama umat. Ini bertepatan dengan pendapat Suhaimi Yassin (1992:85) dalam bukunya bertajuk Keperibadian Islam, “Penghormatan secara Islam dengan mengucapkan atau memberi salam ketika bertemu atau berjumpa adalah amat penting dan istimewa sekali kerana dengan mengucapkan inti dapat mempertautkan segenap hati muslimin, mengukuhkan tali persaudaraan, mengikat manusia antara satu sama lain serta mencantumkan hati dengan hati.”

Berdasarkan hasil dapatan daripada objektif 1, responden mengetahui bahawa hukum menjawab salam adalah wajib. Sehubungan itu, hal ini dibuktikan dan turut diaplikasikan dalam objektif yang ke 2 iaitu kebanyakan responden akan segera menjawab salam yang diberikan kepada mereka kerana sememangnya mereka telah mengetahui hukum menjawab salam adalah wajib. Dapatan nilai min bagi item 17 ini ialah 4.36 merangkap catatan nilai min yang paling tinggi bagi objektif ke 2. Ini bertepatan dengan pandangan Marwan al-Kaysi, adalah menjadi kewajipan seseorang muslim itu untuk menjawab salam tanpa bertangguh melainkan ia mempunyai sebab untuk menangguhkan jawapan. (Hussin b. Salamon dan Mohd Nasir Ripin, 1997:153). Justeru, ini menunjukkan bahawa responden bukan hanya memahami serta mengetahui hukum menjawab salam itu wajib malah turut mengaplikasikannya dalam kehidupan mereka.

Memberi salam kepada orang yang lebih tua satu perkara yang mulia kerana ia melambangkan serta menunjukkan rasa hormat yang lebih muda kepada yang lebih tua. Pepatah melayu ada menyatakan bahawa yang tua dihormati, yang muda disayangi. Catatan min yang tertinggi iaitu 4.35 bagi item 27 ini membuktikan bahawa responden bersetuju dan mengetahui bahawa orang yang lebih muda seharusnya memberi salam kepada orang yang lebih tua sebagai menunjukkan rasa hormat kepada mereka.

Seterusnya, memberi atau mengucapkan salam hendaklah dalam lafaz Assalamualaikum. “Berilah salam dan menjawab salam. Apabila bertemu seseorang Islam berilah Assalamualaikum dan semasa menjawab katakanlah Wa’alaikumussalam. Cara-cara lain adalah tidak berasas.” (Abdul Ghafar b. Nin, 1992:15). Sehubungan dengan itu, hasil kajian iaitu bagi item 24 ini menunjukkan bahawa responden mengetahui tatacara memberi dan menjawab salam menurut Islam dengan catatan min yang agak tinggi iaitu sebanyak 4.30. Satu lagi item yang mencatat nilai min yang sama ialah item 34 yang berkaitan dengan jika seseorang memberi Assalamualaikum, jawapan yang terbaik ialah Wa’alaikumussalam Warahmatullahi, jika ditambah Wabarakatuh akan mendapat ganjaran yang lebih tinggi.

Rujukan

- Abu Qamar Salahuddin (2004). *40 Akhlak Yang Mengubah Dunia*. Kuala Lumpur: Darul Nu’mān Al-Quran Al-Karim
- Dewan Bahasa Dan Pustaka (2005). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Dr. Haron Din (1991). *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kamarul Azmi Jasmi et al (2005). *Pembentukan Tatacara Kehidupan Beradab: Keperluan Asas Pendidikan Kanak-kanak Islam (Kajian Tahap Amalan Tatacara Kehidupan Beradab di kalangan Mahasiswa Islam Tahun Akhir, UTM)*. Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Idris Abd. Rauf al-Marbawi (1998). *Kamus Idris al-Marbawi*. Kuala Lumpur: Darul Nu’mān.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1997). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Saodah Wok et al (2004). *Teori-Teori Komunikasi*. Pahang: PTS Publicatiobs and Distributors Sdn. Bhd
- Suhaimi Yasin (1992). *Keperibadian Islam*. Kuala Lumpur: Muafakat Enterprise Sdn.Bhd
- Wan Sakinah Wan Ibrahim (1987). *Komunikasi Teori dan Praktis 2*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Zaiton Mat Jenan Yatim (2003). *Budaya memberi salam dalam Islam. Suatu kajian dikalangan Mahasiswa Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya*. Universiti Malaya: Kajian Ilmiah